

(1 April 2021) Sinar Harian, p. 12

Kes jangkitan kekal empat digit

Malaysia catat 1,482 kes baharu Covid-19 dengan 7 kematian

KUALA LUMPUR

Kes harian Covid-19 di negara ini kekal empat digit dalam tempoh 24 jam lepas dengan 1,482 kes dan tujuh kematian dicatatkan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah memaklumkan, jumlah kes sembuh pula ialah 1,070, menjadikan kumulatif kes pulih kini 329,624, manakala kes aktif setakat ini 14,604.

"Daripada jumlah kes baha-

ru pada Rabu, 1,480 adalah penularan tempatan dan dua kes import, sementara 164 individu dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 81 daripadanya memerlukan alat bantuan pernafasan.

"Jumlah keseluruhan kes kini 345,500, manakala kes kumulatif kematian kini 1,272," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Dr Noor Hisham berkata, tiga negeri yang mencatat kes paling tinggi terdiri dari Selangor dengan 661 kes diikuti Pulau Pinang (200) dan Sarawak (176), Johor (86), Sabah (69) Kelantan (57), Kuala Lumpur (42), Melaka (41), Kedah (37), Pahang (36), Negeri Sembilan (32), Perak (31), Labuan (lapan) Putrajaya (tiga), Terengganu

(dua) dan Perlis (satu).

Dalam kenyataan itu, beliau memberitahu, 13 kluster baharu dikesan membabitkan tujuh kluster di tempat kerja, lima kluster komuniti dan satu melibatkan kumpulan berisiko tinggi iaitu Kluster Lorong Mulia di Johor.



Kluster tempat kerja adalah Kluster Jalan Kingsway dan Bulatan Aman di Sarawak; Delima Baiduri (Kedah); Jalan Hevena Scruciana (Selangor); Jalan Rasmi (Selangor dan Kuala Lumpur); Pulau Ence (Labuan) serta Jalan Jelawat (Pulau Pinang dan Perak), manakala kluster komuniti adalah Emas Bemban dan Layar di Kedah; Jalan Baji (Sarawak) serta Kampung Baru Pasir Putih dan Rimbayan masing-masing di Sabah.

- Bernama



Papan tanda yang mempamerkan 'Daftar dan Dapatkan Vaksin Anda' dipasang di Jalan Air Itam di Georgetown bagi menggalakkan rakyat segera mendaftar bagi mendapatkan vaksin Covid-19.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA



*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 31 Mac 2021

JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	PULIH:	ICU:	KEMATIAN:	KES BAHARU	SUDAH DIVAKSIN
345,500	329,624	164	1,272	+1,482	661,661

